



**PERUTUSAN
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**SEMPENA
SAMBUTAN HARI KASTAM SEDUNIA KALI KE-33**

***“PENYELARASAN PENGURUSAN SEMPADAN:
PENDEKATAN INKLUSIF BAGI MENGHUBUNGKAN
PIHAK BERKEPENTINGAN”.***

**TARIKH:
26 JANUARI 2015**

1. BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM.
2. ASSALAMUALAIKUM W.B.H, SALAM 1MALAYSIA DAN SALAM 1KASTAM.
3. PUJI-PUJIAN HANYA KEPADA ALLAH S.W.T, TUHAN YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD S.A.W, AHLI KELUARGA SERTA PARA SAHABAT BAGINDA, PARA ULAMA DAN PARA TABIIN; SEMOGA MEMPEROLEH EHSAN HINGGA KE HARI AKHIRAT.

DATO-DATO, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

4. PADA HARI INI, 179 BUAH NEGARA AHLI *WORLD CUSTOMS ORGANISATION* ATAU W.C.O YANG MENGAWAL 98% AKTIVITI PERDAGANGAN DUNIA MENYAMBUT “HARI KASTAM SEDUNIA TAHUN 2015” DENGAN TEMA “*COORDINATED BORDER MANAGEMENT - AN INCLUSIVE APPROACH FOR CONNECTING STAKEHOLDERS*”.
5. TEMA INI MERUJUK KEPADA PENDEKATAN KAWALAN SEMPADAN YANG DILAKUKAN SECARA BERSEPADU DI ANTARA AGENSI-AGENCI DI DALAM NEGARA DAN DI LUAR NEGARA BAGI MEMPEROLEHI FAEDAH KECEKAPAN YANG LEBIH BESAR BERBANDING KAWALAN SECARA BERSENDIRIAN.

6. PADA TAHUN INI, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA MERAIKAN HARI KASTAM SEDUNIA BUAT KALI KE-33 DENGAN TEMA SEPERTI YANG DITETAPKAN OLEH W.C.O, YANG DITERJEMAHKAN KE DALAM BAHASA MALAYSIA SEBAGAI “PENYELARASAN PENGURUSAN SEMPADAN: PENDEKATAN INKLUSIF BAGI MENGHUBUNGKAN PIHAK BERKEPENTINGAN”.
7. PENGGUNAAN TEMA INI AMATLAH SESUAI KEPADA MALAYSIA YANG BERKONGSI SEMPADAN DARATAN DENGAN NEGARA THAILAND, INDONESIA, BRUNEI, SERTA BERKONGSI SEMPADAN MARITIM DENGAN NEGARA SINGAPURA, VIETNAM, THAILAND, INDONESIA, BRUNEI DAN FILIPINA.
8. MELALUI KEDUDUKAN GEOGRAFI SEPERTI INI, TENTULAH BANYAK AGENSI YANG TERLIBAT DALAM MENGAWAL SEMPADAN DI ANTARA NEGARA MASING-MASING. UMPAMANYA DI MALAYSIA, SELAIN JABATAN KASTAM, KAWALAN SEMPADAN TURUT DILAKUKAN OLEH TENTERA DIRAJA MALAYSIA, POLIS DIRAJA MALAYSIA, JABATAN IMIGRESEN, AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA, MAQIS, UNIT PENCEGAHAN PENYELUDUPAN, KEMENTERIAN DALAM NEGERI, MALAYSIA AIRPORT BERHAD, PIHAK BERKUASA PELABUHAN DAN SEBAGAINYA.
9. SEMUA AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH AGENSI-AGENSI TERSEBUT TELAH DITERIMA BAIK OLEH SEMUA PIHAK

KERANA IA ADALAH SUATU KAEDAH DINAMIK BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN MASYARAKAT GLOBAL.

10. DALAM HAL INI, KERJASAMA ANTARA AGENSI-AGENCI INI PERLU DIJALIN SECARA INKLUSIF BAGI MENGURANGKAN DUPLIKASI ATAU PERTINDIHAN TUGAS, MENJIMATKAN KOS MELALUI EKONOMI BIDANGAN (*ECONOMY OF SCALE*), MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN RISIKO, MENGURANGKAN KOS PENGANGKUTAN, MENGURANGKAN MASA MENUNGGU, MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SERTA MENJIMATKAN PENGGUNAAN SUMBER DAN INFRASTRUKTUR KEPADA SEMUA PIHAK YANG BERKEPENTINGAN DALAM KAWALAN SEMPADAN.
11. OLEH ITU, KE ARAH MENYELARAS PENGURUSAN SEMPADAN MALAYSIA SECARA INKLUSIF, BEBERAPA INISIATIF BERTARAF DUNIA TELAH DILAKSANAKAN OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TANPA MENGENEPIKAN KEPENTINGAN-KEPENTINGAN PIHAK LAIN. ANTARANYA IALAH MENGADAKAN KERJASAMA DENGAN OPERATOR PELABUHAN MELALUI “MEGAPORT INITIATIVES”, KERJASAMA DENGAN KASTAM AMERIKA SYARIKAT MELALUI “CONTAINER SECURITY INITIATIVES”, KERJASAMA DENGAN KASTAM INDONESIA MELALUI RONDAAN LAUT “PATKOR-KASTIMA”, SERTA KERJASAMA DENGAN PERTUBUHAN PERNIAGAAN MELALUI “PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA”.

12. SEMUA INISIATIF BERKENAAN DILAKSANAKAN OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA MENGIKUT MODEL *“WCO SAFE FRAMEWORK OF STANDARDS TO SECURE AND FACILITATE GLOBAL TRADE”* YANG BERTUNJANGKAN KEPADA TIGA TERAS KERJASAMA IAITU *“CUSTOMS-TO-CUSTOMS COOPERATION”*, *“CUSTOMS-TO-BUSINESS PARTNERSHIP”* DAN *“CUSTOMS AND OTHER BORDER AGENCIES”*.

DATO-DATO, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

13. SEJAK MERDEKA, MALAYSIA TELAH MEMPUNYAI SATU REKOD EKONOMI TERBAIK DI ASIA. KELUARAN DALAM NEGARA KASAR ATAU K.D.N.K BERKEMBANG PADA KADAR PURATA 6.5% SETAHUN SELAMA HAMPIR 50 TAHUN. EKONOMI NEGARA YANG DAHULU SECARA TRADISINYA BERSUMBERKAN KEKAYAAN ALAM SEMULAJADI TETAPI TELAH BERKEMBANG DALAM SEKTOR SAINS, PELANCONGAN, PERDAGANGAN DAN PELANCONGAN PERUBATAN.
14. HASIL DARIPADA PENGURUSAN EKONOMI YANG CEMERLANG MAKA PADA HARI INI MALAYSIA MENDUDUKI *RANKING* TERBAIK DALAM PENILAIAN BEBERAPA AGENSI PENARAFAN ANTARABANGSA, SEKALI GUS MELETAKKAN MALAYSIA SEBAGAI SALAH SEBUAH NEGARA YANG BERDAYA SAING TINGGI, ANTARANYA IALAH:

- MALAYSIA BERADA DI TEMPAT KELIMA DALAM “IMD WORLD TALENT REPORT 2014”;
- MALAYSIA BERADA DI TEMPAT KE-18 DALAM “WORLD BANK DOING BUSINESS 2014: BEYOND EFFICIENCY”;
- MALAYSIA BERADA DI TANGGA KETUJUH DALAM “2014 GLOBAL INFRASTRUCTURE INVESTMENT INDEX”;
- MALAYSIA BERADA DI TANGGA KETIGA DALAM “AT KEARNEY GLOBAL LOCATION SERVICES INDEX” (IAITU SEBAGAI ANTARA DESTINASI OUTSOURCING PALING MENARIK);
- MALAYSIA MENJADI ANTARA 20 NEGARA PALING MESRA PERNIAGAAN BERDASARKAN LAPORAN BUSINESS ENVIRONMENT RANKING & INDEX 2014; DAN,
- MALAYSIA DIIKTIRAF OLEH *WORLD BANK* SEBAGAI NEGARA TERBAIK DALAM KALANGAN ASEAN DARI SEGI PEMBANGUNAN EKONOMI.

15. PENCAPAIAN CEMERLANG INI, ANTARA LAINNYA, TELAH DISUMBANGKAN MELALUI KECEKAPAN AGENSI-AGENSI KAWALAN SEMPADAN, KHUSUSNYA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA YANG TERLIBAT SECARA KHUSUS DALAM

MENYEDIAKAN FASILITASI PERDAGANGAN SERTA MENGAWAL PERGERAKAN KELUAR-MASUK DAGANGAN. KEPERLUAN UNTUK MENGIMBANGI KEPENTINGAN ANTARA “KEMUDAHAN” DENGAN “KESELAMATAN” TURUT MENJADI KEUTAMAAN. PERGERAKAN BARANG DAGANGAN DAN PELANCONG MERENTASI SEMPADAN SENTIASA DIPERMUDAHKAN TANPA MENGENEPIKAN USAHA MELINDUNGI RANTAIAN BEKALAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DARIPADA ANCAMAN JENAYAH TERANCANG, PENYELUDUP, PENIPU KOMERSIAL, PENGGANAS, SERTA YANG MEMBAHAYAKAN RAKYAT TEMPATAN DAN MASYARAKAT GLOBAL.

DATO-DATO, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

16. PADA KESEMPATAN INI, SAYA MERAKAMKAN UCAPAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN, AGENSI SWASTA, PERTUBUHAN, BADAN-BADAN PERNIAGAAN SERTA SEMUA INDIVIDU YANG TELAH BEKERJASAMA DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA DALAM MENGURUS KAWALAN SEMPADAN NEGARA.
17. TAHNIAH JUGA SAYA UCAPKAN KEPADA PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PENGHARGAAN SERTA PENERIMA “CERTIFICATE OF MERIT” YANG DIKELUARKAN *OLEH WORLD CUSTOMS ORGANISATION* YANG BERIBUPEJABAT DI BRUSSELS, BELGIUM.

18. SEMPENA SAMBUTAN HARI KASTAM SEDUNIA KALI KE-33 INI JUGA, SAYA MENYERU SELURUH WARGA KERJA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA MENJADIKAN SAMBUTAN INI SEBAGAI SALAH SATU WADAH UNTUK MENYEMARAKKAN OBOR SEMANGAT UNTUK BERKHIDMAT MENGIKUT PRINSIP-PRINSIP “*i-SPEED*”; IAITU *INTEGRITY, SPEED, PROFESIONAL, EFFICIENT, EFFECTIVE* DAN *DYNAMIC*.
19. MANAKALA KEPADA SEMUA AGENSI YANG TERLIBAT DALAM KAWALAN SEMPADAN NEGARA, MARILAH KITA SAMA-SAMA MENGUKUHKAN KERJASAMA SERTA MENINGKATKAN KEUPAYAAN DIRI MASING-MASING KE ARAH MEMPERTEGUHKAN TADBIR URUS TERBAIK ATAU *GOOD GOVERNANCE* DENGAN MENJUNJUNG NILAI-NILAI MURNI, BERETIKA, ADAB SOPAN DAN SALING MEMAHAMI. PASTIKANLAH KESELURUHAN OUTPUT PERKHIDMATAN KITA PADA TAHUN 2015 INI MEMBERIKAN KEBERHASILAN YANG MENYEJAHTERAKAN RAKYAT.
20. AKHIR KATA, SAYA SUDAH PERUTUSAN INI DENGAN MEMBACA AYAT 286, SURAH AL-BAQARAH YANG BERMAKSUD:

“ALLAH TIDAK MEMBERATI SESEORANG ITU MELAINKAN APA YANG TERDAYA OLEHNYA. DIA AKAN MENDAPAT PAHALA DARI KEBAIKAN YANG DIUSAHAKANNYA, DAN DIA JUGA MENANGGUNG DOSA KEJAHATAN DARI APA YANG DIUSAHAKANNYA”.

21. SELAMAT MENYAMBUT HARI KASTAM SEDUNIA KALI KE-33.
22. SEKIAN, TERIMA KASIH.

**DATO' SRI KHAZALI BIN HAJI AHMAD,
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA.**

26 JANUARI 2015